



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 10 TAHUN 2023**

---

**PINDAAN SYARAT KHAS KEMASUKAN PROGRAM  
SARJANA MUDA DAN DIPLOMA UPSI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
12 Julai 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**12 Julai 2023**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 10 TAHUN 2023**

### **PINDAAN SYARAT KHAS KEMASUKAN PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA UPSI**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-224 Bilangan 7/2023 yang bersidang pada 12 Julai 2023 telah bersetuju meluluskan Pindaan Syarat Khas Kemasukan Program Sarjana Muda dan Diploma UPSI.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Fakulti telah membuat semakan semula syarat-syarat yang telah ditetapkan agar mempunyai kesetaraan dan melayakkan pelajar lepasan Diploma UPSI menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda UPSI.
- 2.2 Semakan syarat hanya melibatkan pindaan kepada syarat khas kerana syarat khas ditetapkan oleh Fakulti manakala syarat am ditetapkan oleh pihak kementerian.
- 2.3 Pindaan syarat khas kemasukan melibatkan program berikut:
  - i. Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
  - ii. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dengan Kepujian
  - iii. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian
  - iv. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian
  - v. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian
  - vi. Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) dengan Kepujian
  - vii. Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian

- viii. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Maklumat) dengan Kepujian
- ix. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) dengan Kepujian
- x. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) dengan Kepujian

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan pindaan syarat khas kemasukan program Sarjana Muda seperti yang dibentangkan bermula Ambilan Sesi 2 2023/2024 seperti berikut:

**3.1.1 Hanya FPM membuat Pindaan syarat khas kemasukan ke program Diploma iaitu Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak seperti berikut manakala Fakulti lain mengekalkan syarat sedia ada:**

Bil	I)Program Pengajian II)Kod	SYARAT SEMASA	PINDAAN SYARAT
1.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak  A2520	<p><b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C+</b> dalam mata pelajaran berikut pada peringkat <b>SPM</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Melayu</li> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> dalam mata pelajaran berikut pada peringkat <b>SPM</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Matematik</li> <li>• Sains/ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains Tambahan</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> dalam <b>mana-mana satu (1)</b> mata pelajaran berikut pada peringkat <b>SPM</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah</li> <li>• Pendidikan Islam</li> <li>• Pendidikan Moral</li> <li>• Pend. Al-Quran dan Al-Sunnah</li> <li>• Pend. Syariah Islamiah</li> <li>• Tasawur Islam</li> </ul>	<p><b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Melayu</b> pada peringkat <b>SPM</b></p> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C+</b> dalam mata pelajaran berikut pada peringkat <b>SPM</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Matematik</li> <li>• Sains/ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains Tambahan</li> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> dalam <b>mana-mana satu (1)</b> mata pelajaran berikut pada peringkat <b>SPM</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah</li> <li>• Pendidikan Islam</li> <li>• Pendidikan Moral</li> <li>• Pend. Al-Quran dan Al-Sunnah</li> <li>• Pend. Syariah Islamiah</li> <li>• Tasawur Islam</li> </ul>

Bil	I) Program Pengajian II) Kod	SYARAT SEMASA	PINDAAN SYARAT
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tasawur Islam</li> <li>• Usul Al-Din</li> <li>• Al-Syariah</li> <li>• Manahij Al-Ulum Al-Islamiah</li> <li>• Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah</li> <li>• Al-Adab Wa Al-Balaghah</li> <li>• Hifz Al-Quran</li> <li>• Maharat Al-Quran</li> <li>• Turath Dirasat Al-Islamiah</li> <li>• Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah</li> <li>• Turath Bahasa Arab</li> </ul> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> dalam <b>mana-mana satu (1) mata pelajaran lain</b> pada peringkat <b>SPM</b>.</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian khas dan temu duga yang ditetapkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usul Al-Din</li> <li>• Al-Syariah</li> <li>• Manahij Al-Ulum Al-Islamiah</li> <li>• Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah</li> <li>• Al-Adab Wa Al-Balaghah</li> <li>• Hifz Al-Quran</li> <li>• Maharat Al-Quran</li> <li>• Turath Dirasat Al-Islamiah</li> <li>• Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah</li> <li>• Turath Bahasa Arab</li> </ul> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> dalam <b>mana-mana satu (1) mata pelajaran lain</b> pada peringkat <b>SPM</b>.</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian khas dan temu duga yang ditetapkan</p>

**3.1.2 Bagi program Sarjana Muda, syarat khas kemasukan melibatkan sembilan (9) program seperti berikut manakala enam (6) lagi Fakulti mengekalkan syarat khas kemasukan sedia ada:**

Bil	Fakulti	Program	Pindaan
1.	Fakulti Bahasa dan Komunikasi	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dengan Kepujian	Mengeluarkan syarat BI SPM bagi kategori lepasan Diploma
2.	Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaikkan PNGK minimum daripada 2.50 kepada 2.75 bagi semua kategori</li> </ul>
3.		Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaikkan Gred minimum daripada E kepada C bagi matapelajaran berikut:           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sains/ Pengetahuan Sains Sukan/ Sains Sukan/ Sains Tambahan/ Fizik/ Kimia/ Biologi</li> </ul> </li> </ul>
4.			

5.		Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) dengan Kepujian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menaikkan PNGK minimum daripada 2.50 kepada 2.75 bagi semua kategori kecuali lepasan Diploma</li> <li>Menaikkan PNGK minimum daripada 2.50 kepada 3.00 dan mengeluarkan syarat SPM bagi kategori lepasan Diploma</li> </ul>
6.		Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian	Menaikkan PNGK minimum daripada 2.50 kepada 2.75 bagi semua kategori
7.	Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Maklumat) dengan Kepujian	Menurunkan gred SPM bagi matapelajaran Matematik daripada B kepada C bagi kategori lepasan Diploma
8	Fakulti Pembangunan Manusia	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) dengan Kepujian	Menaikkan Band MUET daripada 2 kepada 3 bagi semua kategori
9.		Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) dengan Kepujian	Memasukkan kelayakan lepasan DVM

#### 4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 12 Julai 2023.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**

(PUAN SUHAILAH SIDEK)

Ketua Timbalan Pendaftar

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 12 Julai 2023

